



KEPUTUSAN UNTUK MELANGSUNGKAN PERKAHWINAN PADA 2010 BUKANLAH SEMUDAH DISANGKAKAN KERANA TANPA DIDUGA, KOMITMEN KEWANGAN BERTAMBAH BERKALI GANDA WALAUPUN PADA KETIKA ITU DIRINYA SUDAH MEMPUNYAI PENDAPATAN SAMPINGAN MENERUSI PORTAL CARIAN BARANGAN.

Bento Hero

REZEKI KAHWIN AWAL

Lantas cabaran berkahwin pada usia muda dan ketika itu masih menuntut di institusi pengajian tinggi mendorong Mohd Ridzuan Mad Rosli, 29, dan isterinya, Mirahida Murad, 29 melakukan pelbagai kerja untuk menyara kehidupan berkeluarga. "Saya terpaksa menanggungkan pengajian selama setahun untuk memberikan tumpuan kepada perniagaan yang baru saya usahakan

demisi menyara keluarga yang mula bertambah. "Ketika itu, anak sulung baru saja dilahirkan dan saya membuat pelbagai kerja termasuk membuat perniagaan sewa kereta untuk menyara kehidupan. "Namun pelbagai cabaran datang membolehkan saya terfikir untuk membuat satu jenis perniagaan sendiri tanpa bergabung dengan mana-mana pihak "Saya bertekad untuk

mengusahakan perniagaan yang mampu menjana pendapatan berterusan dan pada satu hari, ketika makan di pusat beli-belah bersama isteri, idea tercetus untuk mengusahakan perniagaan makanan kudap Jepun yang terkenal ketika itu iaitu takoyaki. "Semuanya berlaku sekelip mata, saya katakan kepada isteri, apa makanan kegemarannya dan dia menyebut takoyaki dan saya kata pada



dia inilah produk yang mahu kita jual. "Tidak sangka apa yang kami usahakan itu berjaya lantas ia kini menjadi satu-satunya syarikat Bumiputera yang memproses, mengedar dan menjual bahan mentah halal bagi membuat takoyaki ke seluruh negara di bawah jenama My Takoyaki," jelas Ridzuan.

Atas Talian

Dalam masa enam tahun, jenama itu semakin berkembang menjadikan Ridzuan terfikir untuk bersaing daripada segi perkhidmatan dalam talian pula. Mula melahirkan jenama baru yang diberi nama Bento Hero. Ridzuan menyerahkan perniagaan secara online ke pada isteri untuk menguruskannya. "Sebelum ini saya bekerja sebagai penyarah sambilan, namun apabila melihat Bento Hero ini berjalan maju dan perlukan seseorang untuk mengurusnya secara serius maka saya ambil keputusan untuk fokus kepada perniagaan ini.

"Saya lebih senang jika bekerja dari rumah sahaja, tak perlu tinggalkan anak-anak dan buat takoyaki ini juga hanya pada sebelah pagi sahaja.

"Untuk Bento Hero ni kami buka pesanan seharian awal, setiap awal pagi suami akan ke pasar untuk beli udang dan sayur yang segar, kami benar-benar menjaga kualiti takoyaki yang kami hasilkan, dan kemudiannya Bento Hero ini akan dihantar oleh runner bermula jam 12 hingga 2 tengahari.

"Menariknya tentang Bento hero ini kami tidak letak datangkan dia dalam bentuk berkotak supaya ia nampak cantik dan bukan sahaja sesuai untuk diletakkan pada majlis-majlis malah boleh juga dibuat sebagai hadiah. "Alhamdulillah, biarpun perniagaan ini masih baru namun sambutan yang kami terima sangat menggalakkan, Bento Hero yang asalnya kami wujudkan sekadar untuk dijadikan cabaran perniagaan rupanya mampu memberi pendapatan yang berterusan buat sekeluarga," jelas Mira.

Review yang baik

Semakin dikenali bukan sahaja daripada orang biasa, malah Bento Hero turut mendapat pujian daripada artis-artis popular. Malah menurut Ridzuan, pujian dan review yang dimuat turun oleh mereka yang terkenal juga berjaya menjadikan Bento Hero ini juadah pilihan ramai.

"Asalnya kami agak takut jika impian kami ini tidak berjaya atau hanya separuh jalan, tapi Alhamdulillah ia menjadi perhatian selepas mendapat komen-komen yang menarik daripada mereka yang mempunyai ramai pengikut.

"Rezeki ada di mana-mana, jadi pada mereka yang mahu berniaga namun tiada modal yang banyak, anda boleh mencuba secara online terlebih dahulu, yang penting apa yang kita niagakan itu dibuat dengan ikhlas dan sempurna," jelas Ridzuan yang pernah

bersusah payah berniaga di pasar malam untuk memasarkan takoyaknya ini.

Pada mereka yang mahu merasai kelazatan Takoyaki daripada Bento Hero ini boleh melayari laman sosial Instagram mereka yang diberi nama Bento Hero.



Eksklusif untuk pembaca Harmoni! TAHNIAH anda terpilih untuk menerima servis penghantaran **PERCUMA** dengan setiap pembelian BENTO HERO sepanjang **Januari ini**. Anda hanya perlu **telefon 0173944662** untuk maklumat lanjut.